

Berita KUKUM

Berita
KUKUM

PEMAKAIAN PANGKAT KEPADA REKTOR KUKUM

Pada 22 Januari 2004 yang lalu, DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis telah mencemar duli untuk menyempurnakan pemakaian pangkat Leftenan Kolonel kepada Y. Bhg. Rektor KUKUM. Istiadat ringkas ini telah diadakan di Bilik Bunga Raya, Terminal Lapangan Terbang Sultan Abdul Halaim, Kepala Batas, Alor Star dan disaksikan oleh seramai 100 pegawai pelbagai pangkat dari askar Wataniah dan juga pembesar-pembesar negeri Perlis. Perlantikan ke pangkat Leftenan Kolonel ini telah mendapat perkenan Ke Bawah DYMM SBP Yang di-Pertuan Agong dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2003. Kini Lt. Kol. Prof. Dr. Kamarudin Hussin merupakan Pegawai Memerintah Batalion Ketiga, Rejimen 504 Askar Wataniah.

